


Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan



Pemimpin Rumah Tuhan Mengunjungi Yesus



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Byron Unger, Lazarus
Alastair Paterson

Disadur oleh: M. Maillot, Sarah S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY


Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

Apabila Yesus menuju ke rumah Tuhan di
suatu hari, Dia mendapati orang ramai tidak
menghormati rumah Tuhan. Mereka menjual
haiwan dan tempat itu menjadi tempat
bertukar wang!




Membuat sebat daripada tali, Yesus menghalau para penjual keluar dari rumah Tuhan. "Bawa semuanya keluar!" Perintah-Nya. "Jangan jadikan rumah Bapa-Ku sebagai tempat berniaga!" Yesus sangat mengasihi rumah Bapa-Nya.




3

Para pemimpin meminta, hak apakah yang Yesus punyai untuk mengusir orang dari rumah Tuhan. "Runtuhkanlah bait Allah ini dan Aku akan membinanya semula dalam tiga hari," jawab Yesus. Mustahil. Rumah Tuhan ini dibina dalam empat puluh enam tahun.




4

Tetapi Yesus bercakap mengenai tubuh-Nya. Sama seperti rumah Tuhan, jasadNya adalah tempat Tuhan berdiam. Yesus tahu Ia akan mati di kayu salib, Ia tahu Tuhan akan membangkitkan-Nya dari kubur pada hari ketiga.



5

Di waktu malam hari, seorang pemimpin rumah Tuhan datang mengunjungi Yesus. Dia tahu mukjizat yang dilakukan Yesus datang dari Allah Bapa. Nikodemus melawat Yesus untuk belajar tentang Tuhan.




6

Yesus berkata kepada Nikodemus bahawa seseorang mesti dilahirkan semula untuk memasuki kerajaan Tuhan. Tapi Nikodemus tidak memahaminya. Bagaimana orang dewasa boleh menjadi bayi semula? Tambahan pula, dia sangat kuat beragama. Adakah itu tidak mencukupi?



7

"Yang dilahirkan daripada roh adalah Roh," Yesus jelaskan. "Roh Tuhan adalah seperti angin. Orang tidak dapat melihat atau memahami angin. Mereka hanya melihat apa yang dibuat oleh angin."



8



Yesus mengingatkan Nikodemus tentang orang Israel yang selalu mengadu kepada Musa pada masa lalu. "Kami tidak mempunyai makanan, tidak ada air, dan tidak menyukai roti yang diberikan Tuhan kepada kami," teriak mereka.

9



Dosa mereka menimbulkan kemurkaan Tuhan. Dia menghantar ular beludak diantara mereka. Ular itu menggigit mereka. Menyebabkan ramai yang mati.

10



"Kami telah berdosa. Doakanlah agar Allah menghapuskan ular-ular itu," pinta orang ramai. Musa berdoa untuk mereka. Tetapi Tuhan tidak menyingkirkan ular itu.

11



Tuhan memanggil Musa untuk membuat tongkat berbentuk ular. "Sesiapa yang dipatuk akan hidup jika dia melihat tongkat ular itu," janji Tuhan. Musa membuat tongkat ular daripada tembaga dan sesiapa yang melihatnya sembuh.

12



Yesus berkata kepada Nikodemus bahawa Anak Manusia mesti diangkat seperti tongkat tembaga. Yesus bercakap tentang salib di mana Dia mati untuk dosa manusia.

13



Yesus berkata,


"Karena begitu besar kasih Allah akan dunia sampai Ia mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya siapa yang percaya pada-Nya tidak akan binasa melainkan memperoleh hidup kekal."

14



Ini bermakna sesiapa yang percaya kepada Yesus akan dilahirkan semula dalam keluarga Tuhan.

15



Walaupun Nikodemus tidak menjadi murid Yesus pada malam itu. Tetapi beberapa tahun kemudian, Nikodemus menunjukkan bahawa dia mengasihi dan mempercayai Yesus dengan membantu menguburkan Anak Tuhan yang mati di kayu salib.

16




Selepas itu, Yesus dan murid-murid-Nya menuju ke utara. Orang lain juga perlu mendengar tentang kerajaan Tuhan, dan mempunyai peluang untuk percaya kepada Yesus dari Nazaret, Anak Allah.

17

Pemimpin Rumah Tuhan Mengunjungi Yesus
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
Yohannes 2-3, Bilangan 21

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

18



41



60

19

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

20